

sains

# KERATAN AKHBAR

1-8 JULAI 2022

NEW STRAITS TIMES

Utusan MALAYSIA

Sinar

astro AWANI

NOGORI KITO

facebook

THE EDGE MARKETS

THE Sun

FMT news

Star

Kosmo!

Metro

BERITA HARIAN

malaysiakini

BERNAMA

RANIA

星洲日報 SIN CHEW DAILY

南洋商報 NANYANG SIANG PAU

中國報 CHINA PRESS

malaymail

## Tekanan air rendah di Seminari Theologi Malaysia dapat perhatian Gunasekaren

SEREMBAN JAYA: Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seremban Jaya, YB P.Gunasekaren telah turun padang bagi melihat permasalahan tekanan air rendah di Seminari Theologi Malaysia (STM).

Gunasekaren berkata, sebelum ini isu tekanan air rendah pernah berlaku dan Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) telah menyelesaikannya.

"Tetapi masalah ini berulang semula.

"Oleh itu, saya dan Pengarah SAINS, Encik Mohd Yazid Ahmad telah turun padang bagi melihat permasalahan ini.

"Saya akan berbincang dengan beliau bagi mencari jalan penyelesaian jangka panjang supaya masalah tekanan air ini tidak berulang semula.

"Saya juga akan membangkitkan isu ini dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah (JTPD).

"Saya akan berusaha menyelesaikan masalah ini demi kesejahteraan dan kebajikan penghuni STM," kata Gunasekaren.



## Penduduk Felda Palong Dua, 'menagih' air

Jempol: Aidiladha semakin hampir, namun ribuan penduduk di Felda Palong Dua di sini, mengeluh apabila gangguan bekalan di kawasan berkenaan masih gagal diatasi.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan ( JPKKP ) Abdul Rahman Ahmad berkata, masalah bekalan air kerap berlaku di tanah rancangan itu hingga mengganggu urusan penduduk menghuni 280 rumah.

Katanya, penduduk mungkin memahami kesulitan dialami jika ia berpunca kejadian paip bocor.

"Namun ketika ini tidak dapat dipastikan punca itu berlaku. Kami berharap pihak Syarikat Air Negeri Sembilan (Sains) memandang serius masalah dihadapi penduduk termasuk menghantar bekalan air sementara menggunakan lori tangki.

"Ada penduduk yang mengadakan majlis kenduri Sabtu lalu turut berdepan masalah bekalan air sehingga mengganggu kelancaran majlis," katanya semalam.

Abdul Rahman berkata, penduduk berharap masalah gangguan bekalan air ini diatasi segera memandangkan umat Islam akan menyambut hari raya Aidiladha ahad ini.

Sementara itu Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Sains, Norzita Ismail berkata, gangguan bekalan air serta tekanan rendah berlaku di sebahagian gugusan Felda Palong berpunca bekalan air sungai ( air mentah ) yang masuk ke Lori Rawatan Pasir Besar berkurangan.

Katanya, loji berkenaan hanya dapat memproses bekalan air terawat sebanyak 50 peratus sahaja.

"Keadaan itu berlaku disebabkan tebing sungai di muka sauk LRA Pasir Besar pecah dan runtuh.

"Kawasan terbabit gangguan adalah Felda Palong Dua, Tiga, Empat, Lima dan Enam (membabitkan kawasan tinggi) dan Felda Palong Tujuh hingga 16," katanya.

Disiarkan pada: Julai 6, 2022 @ 4:48pm



## Negeri Sembilan kuat kuasa undang-undang pencemaran sumber air

SEREMBAN - Kerajaan Negeri Sembilan akan menguatkuasakan undang-undang di bawah Akta Air 1920 bagi mengatasi isu pencemaran sungai termasuk mengenakan kompaun maksimum RM250,000 kepada individu yang merosakkan sumber air, dalam masa terdekat ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, peruntukan undang-undang tersebut dikeluarkan Badan Kawal Selia Air (BKSA) bagi memastikan masyarakat mematuhi sepenuhnya prosedur kawalan air dan penguatkuasaan peraturan berkenaan.

"Negeri lain dah bermula antaranya Johor dan Melaka, tetapi kita di Negeri Sembilan, kita mulakan tahun ini, walaupun lewat atas sebab tertentu.. beberapa tahun lepas ada berlaku kes pencemaran sumber air di negeri ini tetapi tidak dapat diambil tindakan sepenuhnya.

"Jadi dengan adanya undang-undang ini akan membolehkan kita menjalankan kompaun atau denda kepada mereka yang menyalahgunakan serta merosakkan sistem air di negeri ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini pada Rabu.

Beliau berkata, bagi pesalah yang melakukan pencemaran air, notis amaran sebanyak dua kali akan diberikan kepada mereka yang terbabit sebelum BKSA mengeluarkan kompaun.

Aminuddin berkata, pada tahun lepas, sebanyak lapan kes melibatkan pencemaran air berlaku di negeri ini termasuk melepaskan air cucian daripada ladang ayam dan perlombongan pasir berhampiran tebing sungai.

Justeru katanya, perkara itu perlu diatasi segera memandangkan ia membabitkan kepentingan masyarakat dan penguatkuasaan undang-undang berkenaan mampu mengawal kegiatan pencemaran sumber air pada masa akan datang.

"Kita juga sedang menyiapkan makmal dan ada pegawai daripada Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd untuk membantu mengenal pasti kesalahan dilakukan oleh mana-mana pihak," katanya. - Bernama



## N.Sembilan kuat kuasa undang-undang, ambil tindakan tegas terhadap pencemar sumber air

SEREMBAN, 6 Julai (Bernama) – Kerajaan Negeri Sembilan akan menguatkuasakan undang-undang di bawah Akta Air 1920 bagi mengatasi isu pencemaran sungai termasuk mengenakan kompaun maksimum RM250,000 kepada individu yang merosakkan sumber air, dalam masa terdekat ini.

Menteri Besar Datuk Seri Aminuddin Harun berkata peruntukan undang-undang tersebut dikeluarkan Badan Kawal Selia Air (BKSA) bagi memastikan masyarakat mematuhi sepenuhnya prosedur kawalan air dan penguatkuasaan peraturan berkenaan.

"Negeri lain dah bermula antaranya Johor dan Melaka, tetapi kita di Negeri Sembilan, kita mulakan tahun ini, walaupun lewat atas sebab tertentu.. beberapa tahun lepas ada berlaku kes pencemaran sumber air di negeri ini tetapi tidak dapat diambil tindakan sepenuhnya.

"Jadi dengan adanya undang-undang ini akan membolehkan kita menjalankan kompaun atau denda kepada mereka yang menyalahgunakan serta merosakkan sistem air di negeri ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat exco di sini hari ini.

Beliau berkata bagi pesalah yang melakukan pencemaran air, notis amaran sebanyak dua kali akan diberikan kepada mereka yang terbabit sebelum BKSA mengeluarkan kompaun.

Aminuddin berkata pada tahun lepas, sebanyak lapan kes melibatkan pencemaran air berlaku di negeri ini termasuk melepaskan air cucian daripada ladang ayam dan perlombongan pasir berhampiran tebing sungai.

Justeru katanya perkara itu perlu diatasi segera memandangkan ia membabitkan kepentingan masyarakat dan penguatkuasaan undang-undang berkenaan mampu mengawal kegiatan pencemaran sumber air pada masa akan datang.

"Kita juga sedang menyiapkan makmal dan ada pegawai daripada Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd untuk membantu mengenal pasti kesalahan dilakukan oleh mana-mana pihak," katanya.

-- BERNAMA

## Flood lawsuit against Negri govt politically motivated, says MB

SEREMBAN: A move by three individuals to sue the Negri Sembilan government for alleged negligence that resulted in massive floods in November 2020 is politically motivated, claims Datuk Seri Aminuddin Harun (*pic*).

The Mentri Besar said floods were a common phenomenon and had occurred in many parts of the country.

"I know who is behind the suit and this issue is being politicised.

"We have to remember that when floods struck several areas in Negri in November, many other places... all over the country were also hit but no one has filed any legal action because they know floods have been happening for a long time," he told reporters after chairing the state exco meeting at Wisma Negri here on Wednesday (July 6).

**ALSO READ:** [Negri MB, govt sued over damage caused during November 2020 flood](#)

Aminuddin said the people also needed to understand that the state government only had a small budget for flood mitigation measures and the bulk of it came from Federal authorities.

"We have been doing our best... but we have to wait for the funds.

"We also do not expect the Federal Government to give us the funds immediately as the sum is usually big and it also needs to help other states," he said, adding that incidences of flooding in the state have since reduced.

On July 1, Zahari Ariffin, 59, Tung King Hong, 66, and S. Kalesvaran, 44, filed a writ of summons at the High Court against the state government for alleged negligence for losses suffered during a flood that occurred in November 2020.

In their suit, the three also named Aminuddin, the Seremban City Council, the state Irrigation and Drainage Department director and Syarikat Air Negri Sembilan as respondents.

The three are also representing 97 other residents and business owners from Taman Mok Sum, Taman Happy, Taman Sungai Ujong, Kg Semarak, Taman Rasah Utama, Jalan Rasah and Kg Bt 3 Mantau in Mambau.

The plaintiffs claimed the flood which happened on Nov 4, 2020 was unusual and not an act of God as claimed by authorities because it only rained for 30 minutes but water levels in some areas rose between 1.5m and 2.4m (5ft and 8ft).

The flood, they claimed, was the worst in the area in the past 20 years and caused damage to several hundred households.

Aminuddin said even when the state received Federal funds, it could not carry out all the flood mitigation projects due to the high cost.

"And when we do carry out such projects, you will still have people dumping rubbish into rivers.

"Some projects also get delayed as we will have to re-tender them because the cost of raw materials would have gone up once the tender is awarded," he added.



## N.Sembilan kuat kuasa undang-undang, ambil tindakan tegas terhadap pencemar sumber air

**SEREMBAN:** Kerajaan Negeri Sembilan akan menguatkuasakan undang-undang di bawah Akta Air 1920 bagi mengatasi isu pencemaran sungai termasuk mengenakan kompaun maksimum RM250,000 kepada individu yang merosakkan sumber air, dalam masa terdekat ini.

Menteri Besar Datuk Seri Aminuddin Harun berkata peruntukan undang-undang tersebut dikeluarkan Badan Kawal Selia Air (BKSA) bagi memastikan masyarakat mematuhi sepenuhnya prosedur kawalan air dan penguatkuasaan peraturan berkenaan.

"Negeri lain dah bermula antaranya Johor dan Melaka, tetapi kita di Negeri Sembilan, kita mulakan tahun ini, walaupun lewat atas sebab tertentu.. beberapa tahun lepas ada berlaku kes pencemaran sumber air di negeri ini tetapi tidak dapat diambil tindakan sepenuhnya.

"Jadi dengan adanya undang-undang ini akan membolehkan kita menjalankan kompaun atau denda kepada mereka yang menyalahgunakan serta merosakkan sistem air di negeri ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat exco di sini semalam.

Beliau berkata bagi pesalah yang melakukan pencemaran air, notis amaran sebanyak dua kali akan diberikan kepada mereka yang terbabit sebelum BKSA mengeluarkan kompaun.

Aminuddin berkata pada tahun lepas, sebanyak lapan kes melibatkan pencemaran air berlaku di negeri ini termasuk melepaskan air cucian daripada ladang ayam dan perlombongan pasir berhampiran tebing sungai.

Justeru katanya perkara itu perlu diatasi segera memandangkan ia membabitkan kepentingan masyarakat dan penguatkuasaan undang-undang berkenaan mampu mengawal kegiatan pencemaran sumber air pada masa akan datang.

"Kita juga sedang menyiapkan makmal dan ada pegawai daripada Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd untuk membantu mengenal pasti kesalahan dilakukan oleh mana-mana pihak," katanya.

-- BERNAMA

## Cemar sumber air di Negeri Sembilan kena kompaun

SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan akan menguatkuasakan undang-undang di bawah Seksyen 18(1F) Akta Air 1920 dalam masa terdekat bagi mengekang isu pencemaran air yang berlaku di negeri ini.

ADVERTISEMENT

Menerusi peruntukan undang-undang tersebut, ia membenarkan Pengarah **Badan Kawal Selia Air (BKSA)** negeri untuk mengeluarkan kompaun sehingga maksimum RM250,000 kepada mana-mana pihak yang didapati melakukan kesalahan dengan merosakkan sumber air.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, walaupun Negeri Sembilan sedikit lewat berbanding negeri lain melaksanakan peraturan berkenaan, namun langkah awal yang sedang dilakukan adalah penting agar masalah serupa tidak berulang.

“Tahun lepas sahaja, terdapat tujuh kes pencemaran air di negeri ini direkodkan antaranya melibatkan kes seperti melepaskan air cucian dari ladang ayam dan kes perlombongan pasir yang hampir dengan tebing.

“Walaupun hanya tujuh kes, kerajaan negeri ambil serius, kerana perkara ini besar, dan kita tidak mahu berlaku isu air minuman kita tercemar. Di negeri lain telah berjalan tetapi di Negeri Sembilan akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat. Kita sedang menyiapkan makmal dan pegawai daripada Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. untuk membantu mengenal pasti kesalahan-kesalahan yang dilakukan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Mingguan Exco di Wisma Negeri di sini hari ini.

Sementara itu, Aminuddin berkata, garis panduan kesalahan-kesalahan dalam penguatkuasaan undang-undang tersebut akan dikeluarkan oleh BKSA dan ia akan diuar-uarkan kepada masyarakat.

“Ini bagi memastikan masyarakat mematuhi prosedur tentang kawalan air di Negeri Sembilan. Sebelum ini, jika berlaku pencemaran air, kita tidak dapat untuk mengambil tindakan di peringkat BKSA.

“Oleh itu kami harap dengan adanya peraturan dan undang-undang ini dapat membolehkan kita untuk mengenakan kompaun dan denda kepada pihak yang merosakkan sistem air di negeri ini,” katanya.

Jelas Menteri Besar, menerusi peraturan tersebut, ia tidak semestinya melibatkan hukuman kompaun tetapi BKSA juga boleh meminta untuk pihak bertanggungjawab untuk membersihkan pencemaran yang dilakukan jika ia adalah kesalahan pertama dan tidak serius. – UTUSAN





7 JULAI 2022  
KHAMIS

<https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2098346>

## LRA Pasir Besar di Tampin kembali beroperasi semalam - SAINS

SEREMBAN, 7 Julai (Bernama) – Loji Rawatan Air (LRA) Pasir Besar, Tampin dekat sini yang terjejas sehingga menyebabkan gangguan bekalan air di Gugusan Felda Palong sejak dua minggu lepas, kembali beroperasi semalam.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) Norzita Ismail berkata kerja pembaikan dan penutupan tebing runtuh di LRA Pasir Besar berjaya diatasi kira-kira pukul 4 petang.

Beliau berkata kawasan yang terlibat gangguan bekalan air adalah di Gugusan Felda Palong 2,3,4,5 dan 6 yang merupakan kawasan tinggi, serta Felda Palong 7 hingga 16.

“Isu gangguan bekalan air itu berpunca daripada air sungai yang masuk ke LRA Pasir Besar berkurangan berikutan tebing sungai di muka sauk LRA Pasir Besar runtuh dan loji hanya dapat memproses bekalan air terawat sebanyak 50 peratus sahaja.

“Bagaimanapun, kerja pembaikan tebing runtuh masih dijalankan untuk mengukuhkan lagi keadaan tebing tersebut,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Norzita berkata SAINS mengambil langkah segera meminimumkan gangguan bekalan air di kawasan terlibat termasuk membuat kawalan aliran air dari kolam Londah bagi menstabilkan bekalan pada paras yang optimum untuk kawasan Tampin dan Jempol.

Dalam pada itu, beliau meminta orang ramai terutama di kawasan terbabit menggunakan air secara lebih berhemah dan sentiasa bersedia sedia menghadapi sebarang kemungkinan yang berlaku dengan membuat simpanan air sekurang-kurangnya bagi tempoh 24 jam menjelang musim perayaan ini.

Menurutnya gangguan bekalan air boleh terjadi disebabkan beberapa perkara di luar jangka seperti pencemaran kualiti air mentah di sungai utama yang mengakibatkan loji rawatan air terpaksa mengurangkan pengeluaran atau memberhentikan operasi.

“Setiap kali perayaan berlaku tekanan air rendah kerana penggunaan air yang berganda pada waktu puncak serta gangguan bekalan air disebabkan paip pecah,” katanya.

Beliau berkata orang ramai yang ingin membuat sebarang aduan atau pertanyaan boleh menghubungi SAINS di talian bebas tol 1-800-88-6982 yang beroperasi setiap hari bermula 7 pagi hingga 12 tengah malam.

– BERNAMA

NEW STRAITS TIMES

Utusan MALAYSIA

Sinar

astro AWANI

NOGORI KITO

facebook

THE EDGE MARKETS

THE Sun

FMT news

Star

Kosmo!

Metro

BERITA HARIAN

malaysiakini

BERNAMA

RANIA

星洲日報

南洋商報

中國報

malaymail



<https://sembilan.sinchew.com.my/20220707/%e6%ac%a0%e8%b4%b9%e9%81%ad%e6%96%ad%e6%b0%b4-%e5%b7%a5%e5%8e%82%e5%81%b7%e6%b0%b4-%e5%88%a4%e7%bd%9a1%e4%b8%87/>

**SEREMBAN 7 JULAI 2022 – KHAMIS**

**KILANG CURI AIR DIDENDA RM10,000.**

SEBUAH KILANG YANG MENGENDALIKAN MAKANAN SEJUK BEKU DI NILAI DIDAPATI MENCURI AIR PADA JUN TAHUN LALU.

MAHKAMAH SEKSYEN SEREMBAN AKHIRNYA MENJATUHKAN HUKUMAN DENDA RM10,000 ATAU PENJARA SEBULAN KEPADA TERTUDUH.

SYARIKAT AIR NEGERI SEMBILAN MERAYU KEPADA ORANG RAMAI JIKA MEMPUNYAI MAKLUMAT BERKAITAN CURI AIR BOLEH HUBUNGI DI TALIAN HOTLINE 1-800-88-6982 DAN MAKLUMAT YANG DIBERIKAN AKAN DIRAHSIAKAN.

**欠费遭断水 工厂偷水 判罚1万**



被告所经营的冷冻食品工厂「非法接驳水源到工厂内作为各类用途。」(森水务公司提供)

(芙蓉7日讯) 偷水被控上法庭，违例业主被判罚款1万令吉！

森州水务公司发文告指出，一间位于汝来经营冷冻食品的工厂在去年6月被揭发偷水行为，业者在今年6月被国家水务委员会（SPAN）提控上庭。

有关案件在芙蓉新城地庭进行审理，而工厂业者是在2006年水供服务工业法令第89（9）条文下面控，罪成最高可被判罚款不超过5万令吉或监禁不超过半年，或两者兼施。

芙蓉地庭最终判处被告罪成，罚款1万令吉或监禁1个月。无论如何，被告当天已经缴付罚款。

记录显示，被告所经营的冷冻食品工厂非法接驳水源到工厂内作为各类用途。有关工厂因为拖欠水费，在2021年2月就被切断了水源，而森州水务公司执法官员是在2021年6月揭穿这名工厂业者非法接驳水源，于是展开调查并采取法律行动。

森州水务公司呼吁市民，若有偷水相关的情报，可以拨打热线1-800-88-6982向森水务局投报，投报人的资料将获得保密。



## Sains aktifkan PTK tangani isu bekalan air sempena Aidiladha

SEREMBAN - Syarikat Air Negeri Sembilan (Sains) telah mengaktifkan Pelan Tindakan Kontingensi (PTK) selama lima hari bermula Khamis bagi menangani sebarang isu bekalan air di seluruh negeri ini sempena sambutan perayaan Hari Raya Aidiladha.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Sains, Norzita Ismail berkata, Sains akan terus melaksanakan penyelenggaraan secara bersepadu terhadap aset dan infrastruktur air.

"Ia meliputi pemantauan paras kolam, mengawal injap kawalan tekanan di sepanjang sistem retikulasi dan rumah-rumah pam khususnya menjelang musim perayaan.

"Kakitangan Sains sentiasa berada dalam keadaan bersiap sedia 24 jam bagi memastikan setiap gangguan yang berlaku dapat diatasi dengan pantas," katanya pada Jumaat.

Jelasnya, keperluan lori tangki dan tangki statik akan sentiasa bersedia untuk ditempatkan mengikut keperluan semasa yang memerlukan bagi kawasan tinggi dan di penghujung sistem retikulasi.

"Justeru, Sains memohon kerjasama kepada pengguna air sepanjang musim perayaan ini agar menggunakan air secara lebih berhemah dan bersiap sedia dengan kemungkinan yang berlaku dengan menyediakan air simpanan sekurang-kurangnya bagi tempoh 24 jam.



"Gangguan bekalan air boleh terjadi disebabkan oleh beberapa perkara di luar jangka seperti pencemaran kualiti air mentah di sungai utama yang mengakibatkan loji rawatan air terpaksa mengurangkan pengeluaran atau memberhentikan operasi.

"Selain itu, insiden berlakunya tekanan air rendah setiap kali perayaan adalah disebabkan oleh penggunaan air yang berganda pada waktu

puncak serta gangguan bekalan air disebabkan paip pecah," katanya.

Menurut Norzita, keprihatinan para pelanggan amatlah diharapkan dalam waktu-waktu seperti ini.

Beliau berkata, bantuan dan kerjasama daripada semua pelanggan dalam melaporkan sebarang insiden paip pecah secara terus kepada Sains amatlah diharapkan agar tindakan membaikinya dengan segera dapat diambil bagi mengelakkan tempoh berlakunya gangguan lebih lama.

"Para pelanggan yang ingin membuat sebarang aduan atau pertanyaan boleh menghubungi talian bebas tol Sains 1-800-88-6982 yang beroperasi selama 17 jam sehari bermula dari jam 7 pagi sehingga 12 tengah malam.

"Mereka juga boleh melayari laman web SAINS di [www.sainswater.com](http://www.sainswater.com), Facebook Pusat Khidmat Pelanggan Sains atau melalui aplikasi iSAINS bagi mendapatkan maklumat terkini kawasan gangguan bekalan air yang berlaku di seluruh daerah di Negeri Sembilan," katanya.

## Setiap kali cuti sekolah, nak raja air tak ada

JEMPOL - Lebih 80 rumah di Felda Palong 2 membabitkan Blok 9 hingga 12 di sini masih dibelenggu dengan masalah gangguan bekalan air sejak 30 tahun lalu terutama pada musim perayaan dan cuti sekolah.

Keadaan itu didakwa semakin ketara dalam tempoh empat hari kebelakangan ini, sekali gus memberi kebimbangan kepada penduduk yang rata-ratanya bakal menyambut Hari Raya Aidiladha tidak lama lagi.

Ahli Jawatankuasa Blok 11 Felda Palong 2, Anuar Omar, 62, berkata, Blok 9 hingga 12 berada di kawasan yang tinggi menyebabkan penghuninya sering mengalami masalah ketiadaan bekalan air.

"Saya terpaksa membeli tangki dan peralatan berkaitan lebih RM500 untuk menyimpan air kegunaan membasuh pinggan, mandi dan membasuh baju.

"Macam di rumah saya ini ada enam ahli keluarga. Air memang keperluan utama lebih-lebih lagi anak saya, Raja Nor Aishah, 40, yang merupakan orang kurang upaya (OKU) pekak bisu mengusahakan perniagaan bahu serta kek dari rumah," katanya ketika ditemui pada Khamis.

Jelasnya, sukar untuk anaknya itu menyiapkan tempahan apabila air tiada, malah terpaksa mengambil inisiatif mengisi air tapisan buat makan, minum dalam botol-botol bersaiz kecil dan besar bagi kemudahan anaknya itu mencari rezeki.

"Malah, untuk Hari Raya Aidiladha ini juga saya masih belum membuat keputusan untuk membuat tempahan 28 batang lemang memandangkan masalah gangguan air ini," katanya.

Bagi seorang lagi penduduk, A Rahman Jaaffar, 67, isu air itu bukan masalah baharu dan ia akan muncul setiap kali cuti sekolah dan perayaan sehingga menyebabkan anak-anak pulang ke kampung berasa kurang selesa.

"Macam generasi kedua yang ramai anak, saya kesian kerana mereka terpaksa menyimpan air dalam jumlah yang banyak bagi mengelak putus bekalan.

"Oleh itu, saya harap sangat agar masalah ini dapat diselesaikan terutama membabitkan paip-paip lama yang masih belum ditukar di kawasan Felda ini," katanya.

Seorang lagi penduduk, Che Asmah Ariffin, 62, berkata, dia sudah lali dengan gangguan air namun berharap ia segera ditangani.

"Sampai bila pun tidak tahulah, harap segera berakhir lagi-lagi nak raya ini,"





# Raya kian menjelma, air masih tiada

Lebih 80 penduduk  
Felda Palong 2  
terbelenggu dengan  
isu bekalan air sejak  
tiga dekad lalu

Oleh NORAFIDAH ASSAN  
JEMPOL

Lebih 80 rumah di Felda Palong 2 membabitkan Blok 9 hingga 12 di sini masih dibelenggu dengan masalah gangguan bekalan air sejak 30 tahun lalu terutama pada musim perayaan dan cuti sekolah.

Kedua-dua itu didakwa semakin ketara dalam tempoh empat hari kebelakangan ini, sekali gus memberi kebimbangan kepada penduduk yang rata-ratanya bakal menyambut Hari



A RAHMAN



CHE ASMAH

Raya Aidiladha tidak lama lagi.

Ahli Jawatankuasa Blok 11 Felda Palong 2, Anuar Omar, 62, memberitahu, Blok 9 hingga 12 berada di kawasan yang tinggi menyebabkan penghuninya sering mengalami masalah ketiadaan bekalan air.

"Saya terpaksa membeli tangki dan peralatan berkaitan lebih RM500 untuk menyimpan air kegunaan membasuh pinggan, mandi dan membasuh baju.

"Macam di rumah saya ini ada enam ahli keluarga. Apatah lagi, anak saya, Raja Nor Aishah,

40, orang kurang upaya (OKU) yang mengusahakan perniagaan bahu serta kek dari rumah," katanya ketika ditemui pada Khamis.

Jelasnya, keadaan tersebut menyukarkan anaknya menyiapkan tempahan.

"Malah, sempena Hari Raya Aidiladha ini

saya masih belum membuat keputusan sama ada untuk menyiapkan tempahan 28 batang lemang kerana gangguan air ini," katanya.

Bagi seorang lagi penduduk, A Rahman Jaaffer, 67, isu air itu akan muncul setiap kali cuti sekolah dan perayaan sehingga menyebabkan anak-anak pulang ke kampung berasa kurang selesa.

"Saya harap sangat paip-paip lama yang ada di Felda ini ditukar," katanya.

Seorang lagi penduduk, Che



Anuar menunjukkan tangki air yang digunakan untuk menyimpan air.

Asmah Ariffin, 62, berkata, dia sudah lali dengan gangguan air.

"Sampai bila pun tidak tahu lah, harap segera berakhirlah lagi-lagi nak raya ini," katanya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Syarikat Air Negeri Sembilan (Sains), Norzita Ismail dalam satu kenyataan akhbar berkata, isu

gangguan bekalan air di Gugusan Felda Palong dua minggu lepas berpunca daripada sumber bekalan air sungai (air mentah) yang masuk ke Loji Rawatan Air (LRA) Pasir Besar berkurangan.

Sehubungan itu, Sains telah mengambil langkah yang sewajarnya untuk meminimumkan gangguan tersebut.



## Masalah bekalan air di Ladang Bukit Pilah akan diatasi: ARUL KUMAR

SEREMBAN: Masalah tekanan air yang rendah di Ladang Bukit Pilah, Rompin telah mendapat perhatian Exco Sumber Manusia dan Perladangan Negeri Sembilan, YB J.Arul Kumar.

Arul Kumar berkata, beliau bersama Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Negeri Sembilan dan pegawai dari Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) telah melawat ladang tersebut bagi mengenal pasti punca masalah dan mencari jalan penyelesaian.

“Masalah tekanan air rendah berlaku selepas meter pukal dan pengurusan ladang juga sedang berusaha untuk mengambil tindakan sewajarnya.

“Pihak ladang dan SAINS akan mengambil beberapa tindakan untuk memastikan bekalan air yang berterusan untuk penduduk di dalam kawasan ladang tersebut,” kata Arul Kumar yang juga ADUN Nilai.



## Penduduk Felda Palong 2 kesal, masalah air masih tidak selesai

JEMPOL: Penduduk di 80 buah rumah di kawasan **Felda Palong 2**, di sini, kecewa apabila masalah bekalan air yang membelenggu penduduk sejak lebih 30 tahun lalu masih belum dapat diatasi sehingga ke hari ini.

Menambah resah, penduduk di Blok 9 sehingga 12 di kawasan tanah rancangan tersebut yang berada di kawasan tinggi mengalami masalah ketiadaan air sejak hari Isnin lalu meskipun Hari Raya Aidiladha bakal disambut pada hujung minggu ini.

Seorang penduduk, A. Rahman Jaaffar, 67, berkata, dia merupakan antara peneroka terawal mendiami penempatan berkenaan iaitu sekitar tahun 1975 dan pada masa itu, bekalan air diperoleh dari saluran paip yang dipasang dari dalam kebun getah.

Menurutnya, kini, bekalan air penduduk adalah dari Londah serta Pasir Besar, namun, masalah gangguan air akan muncul setiap kali cuti sekolah dan waktu perayaan sehingga mengundang rasa tidak selesa.

“Saya kasihan kepada keluarga yang mempunyai ramai bilangan anak, mereka terpaksa menyimpan air dalam jumlah yang banyak bagi mengelak keputusan bekalan.

“Saya harap sangat agar masalah ini dapat diselesaikan terutamanya membabitkan paip-paip lama yang masih belum ditukar di kawasan Felda ini. Seperti di kawasan rumah saya ini, memang paip sudah ganti baharu, tapi, bekalan air masih terganggu berikutan paip pecah di lokasi lain,” katanya ketika ditemui pemberita di sini hari ini.

Sementara itu, Ketua Jabatan Komunikasi Korporat, Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (Sains), Norzita Ismail berkata, gangguan bekalan air di Gugusan Palong yang berlaku dua minggu lepas adalah berpunca dari sumber bekalan air sungai (air mentah) yang masuk ke Loji Rawatan Air (LRA) Pasir Besar berkurangan berpunca dari tebing sungai di muka sauk LRA Pasir Besar yang runtuh.

Menurutnya, keadaan itu menyebabkan loji hanya dapat memproses bekalan air terawat sebanyak 50 peratus sahaja.

“Kawasan terlibat gangguan adalah Gugusan Palong 2,3,4,5 dan 6 yang merupakan kawasan tinggi serta Palong 7 hingga 16. Sepanjang berlaku gangguan, Sains telah mengambil beberapa langkah bagi mengatasi masalah tersebut sebagai usaha meminimumkan gangguan pada kawasan terlibat.

“Sains telah membuat kawalan aliran air dari kolam Londah untuk menstabilkan bekalan pada paras yang optimum untuk diguna pakai bagi kedua-dua daerah Tampin dan Jempol.

“Kami juga menjalankan pam secara bergilir pada sebelah malam di LRA Pasir Besar sebagai bekalan ke Tampin (Jelai) dan Jempol (Palong 5). Selain itu, kerja-kerja pembersihan pasir di muka sauk loji juga dilakukan bagi membantu menambahkan kadar alir air masuk.

“Sains terus mengambil tindakan segera dengan membuat penghantaran air melalui lori tangki di premis-premis kediaman yang memerlukan,” katanya. —UTUSAN ONLINE